

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

4. Keadaan lalu lintas yang sesak di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Gat Lebuh Macallum / Gat Lebuh Cecil.
 - (a) Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan keadaan lalu lintas yang sesak di kawasan tersebut.
 - (b) Apakah cadangan alternatif Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan kesesakan di kawasan tersebut?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

4. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya menyedari tentang kesesakan lalulintas yang berlaku di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Gat Lebuh Macallum dan Gat Lebuh Cecil.
 - (a) Penyelesaian jangka pendek yang dirancang oleh Kerajaan Negeri ialah membina pusingan 'U' berkembar pada paras jalan di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Jalan Sungai Pinang / Lebuh Sungai Pinang. Proses tender terbuka telah dipanggil pada bulan Jun 2018 yang lalu. Dijangkakan kerja-kerja tapak dapat dimulakan pada bulan September 2018 dan disiapkan dalam tempoh 12 bulan selepas itu.

- (b) Kerajaan Negeri turut mempunyai cadangan alternatif bagi menyelesaikan masalah kesesakan di kawasan ini seperti :
- (i) Membina tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;
 - (ii) Membina pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Lebuh Macallum dan Gat Jalan Magazine; dan
 - (iii) Pembinaan sistem transit aliran ringan (LRT) dari Pusat Bandar George Town ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang serta menambah baik sistem pengangkutan awam untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan ini.